

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENGHARGAAN PESARA 2016  
DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015  
DEWAN MILENIUM, KEPALA BATAS**

---

Terima kasih, Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,  
Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua- Ketua Jabatan

Pesara-pesara dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Wakil-wakil Media, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya dapat kita bersama di Majlis Penghargaan Pesara Tahun 2016 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 di Dewan Milenium, Kepala Batas ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi hadir untuk menyempurnakan majlis ini.

Majlis yang bermakna ini adalah untuk meraikan pesara yang telah berkhidmat dan berjasa kepada MPSP yang telah dan akan bersara tahun 2016 ini dan juga meraikan warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah menunjukkan prestasi dan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2015. Tahniah saya ucapkan kepada pihak urusetia kerana dapat mengadakan Majlis ini. Mengadakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang selewat-lewatnya pada bulan Mac adalah salah satu kriteria Pihak Berkuasa Tempatan 5 Bintang. Sebagai makluman semua, pada tahun lepas MPSP mendapat 4 bintang. Namun pada tahun ini kita berharap untuk mencapai target PBT 5 bintang.

YB dan para hadirin sekalian,

Pada majlis ini, terdapat seramai 201 orang pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai dari pelbagai peringkat jawatan dan jabatan telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun 2015. Penerima ini terdiri dari 4 orang kumpulan pengurusan dan professional, 45 orang kumpulan sokongan 1 dan 152 orang dari kumpulan sokongan 2. Dalam masa yang sama, majlis ini juga diadakan bertujuan untuk meraikan seramai 84 orang pesara yang terdiri daripada 50 orang pesara wajib, 18 orang pesara pilihan sendiri, 2 orang pesara atas sebab kesihatan serta 14 orang wakil bagi kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2015 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah prestasi sebanyak RM1000, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus dan seminar, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat dan darjah kebesaran Persekutuan atau Negeri serta nama dan gambar penerima akan dipamerkan di lokasi pejabat yang strategik. Sementara itu, pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima cenderamata berupaya sebuah jam tangan dan juga sijil penghargaan di atas perkhidmatan mereka selama bertugas di MPSP.

Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang mencapai tahap yang dihasratkan oleh ketua jabatan dan bahagian masing-masing. Semoga semua penerima anugerah ini akan terus komited dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej dan kredibiliti MPSP serta menyemarakkan lagi semangat semua warga MPSP untuk bekerja dengan lebih gigih dan bersungguh-sungguh lagi bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus yang baik mengikut dasar kualiti MPSP iaitu mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Ini adalah bertepatan dengan moto MPSP 'Kemampuan Adalah Komitmen Kami' (*Sustainability is Our Commitment*)

YB, Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

Tahun 2016 adalah merupakan tahun transformatif bagi MPSP. Kita perlu merubah minda dan cara bekerja kearah kreatif, inovatif, tegas, pantas dan berhemah supaya perkhidmatan MPSP dapat dirasakan dan dinikmati oleh semua penduduk Seberang Perai dan pelancong.

MPSP telah menyediakan Fokus MPSP 2016, dimana 9 fokus telah dibentuk yang merupakan '*core business*' MPSP iaitu:

1. Kebersihan
2. Keselamatan & Lalulintas
3. Penguatkuasaan
4. Kawalan Banjir
5. Pengindahan, Kehijauan dan Kemudahan Awam
6. Penglibatan Komuniti
7. Pembinaan Kapasiti
8. Pengukuhan Fiskal
9. Kecekapan Proses Kerja

Fokus MPSP 2016 ini disediakan setelah mendapat maklum balas dari *stakeholders* MPSP melalui proses *Gender Response Participatory Budgeting* dan Bajet Dialog 2016. Fokus MPSP 2016 ini adalah kesinambungan dari Fokus MPSP 2015. Sebanyak 57 program dan 106 aktiviti telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini dan "*We are committed to deliver as promised*".

Tonggak kecemerlangan sesebuah organisasi terletak kepada jentera pengurusannya yang berwawasan. Bagaimanapun tanpa pegawai dan kakitangan yang mengamalkan budaya kerja cemerlang akan mencacatkan usaha untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga organisasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Oleh itu, MPSP sentiasa menekankan aspek mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi dikalangan kakitangan agar kualiti penyampaian perkhidmatan MPSP dapat ditingkatkan dari masa ke semasa sehingga dapat memperolehi pencapaian yang amat membanggakan.

Kakitangan MPSP perlu bertindak selangkah ke hadapan dan menjalankan tugas dengan semangat berpasukan (*No Silo Mentality*). Disamping itu kita juga hendaklah mengamalkan pengurusan berpandukan proses (*Process driven management*), dimana kakitangan atau pegawai dapat menjalankan tugas berdasarkan langkah-langkah yang ditetapkan (sop,pekeliling,dasar) secara bebas tanpa bimbingan dan arahan pengurusan atasan . Oleh itu pentingnya kita memperkemaskan SOP sedia ada dan semua kakitangan faham dan mengetahui tugas masing-masing.

Adalah menjadi harapan saya agar setiap warga MPSP akan lebih komited kepada tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Kita hendaklah menjadi

penjawat awam yang mempunyai ciri-ciri 3A, B, C, D, E dan F sebagai panduan. MPSP bertanggungjawab memberikan perkhidmatan 3A iaitu – yang *Available* (sedia ada), *Accessible* (mudah dapat), *Affordable* (berkemampuan). Kita juga mesti bersikap 3B – Bersih, Bijak, Berani untuk mengatasi 3 masalah utama 3C – *Cleanliness, Crime, Traffic Congestion* dan rela menjalankan kerja 3D – *Difficult, Dirty, Dangerous* kerana Kerajaan Negeri Pakatan Harapan adalah Kerajaan Negeri berjiwa rakyat yang 3E – *Enable the people* (perkasakan rakyat) , *Empower the people* (perkuasakan rakyat), *Enrich the people* (perkayakan rakyat) serta menjalankan kerja 3F- *Fast* (cepat), *Firm* (tegas), *Friendly* (mesra).

Sebagai makluman tuan-tuan dan puan-puan, disamping memberikan anugerah untuk yang cemerlang, Majlis juga mengambil tindakan tatatertib kepada yang tidak berdisiplin. Pada tahun 2015, Majlis telah mengambil tindakan tatatertib, kakitangan yang dibuang kerja adalah seramai 8 orang manakala kakitangan kontrak yang tidak diperbaharui kontrak adalah seramai 26 orang dan kakitangan yang ditamatkan lantikan perkhidmatan adalah seramai 135 orang. Saya berharap mutu kerja kakitangan MPSP dapat ditingkatkan dan membantu MPSP mencapai pencapaian yang terbaik secara berterusan.

Kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pesara-pesara pada tahun ini, sekali lagi tahniah dan terima kasih saya ucapkan. Semoga anugerah dan penghargaan ini akan menjadikan tuan-puan lebih bersemangat dalam mencurahkan khidmat bakti kepada Negeri Pulau Pinang yang tercinta ini. Semoga kualiti dan kecemerlangan terus menjadi teras kepada budaya kerja kita. Bagi anggota yang belum terpilih, berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan tahun hadapan adalah giliran tuan/puan pula. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menghadiahkan serangkap pantun berikut:

Buah pelaga bentuknya bujur  
Sebagai perencah masakan kari  
Kerja ikhlas, tekun dan jujur  
Nescaya cemerlang setiap hari

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarokatuh.